

**KAJIAN FAKTOR RISIKO BELIA TERLIBAT DENGAN  
PENYALAHGUNAAN BAHAN  
DI KAWASAN BANDAR DI NEGERI JOHOR**

**ROSNAH BINTI MANAB**

**Disertasi ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)**

**Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia**

**MEI 2013**

## **DEDIKASI**

Buat Ayahanda dan Bonda Tersayang,  
Allahyarham Haji Manab Bin Kassim  
Hajah Kamariah Bt Hj Ngah

Keluarga Tercinta

Pensyarah-pensyarah Bimbingan dan Kaunseling UTM  
Guru Besar Dan semua pentadbir Dan guru-guru SK Sg Petai Melaka  
Guru-Guru Kaunseling Negeri Melaka  
Teman-teman seperjuangan

Yang telah banyak memberi sokongan, bimbingan serta doa restu.  
Kejayaan ini adalah hasil sumbangan kalian.  
Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga banyaknya.

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga banyaknya ditujukan khas kepada Prof. Madya Dr. Mohamed Shariff bin Mustaffa, seorang pendidik, pembimbing dan penunjuk jalan yang amat dikagumi. Terima kasih di atas segala bimbingan, dorongan, galakkan, nasihat dan perhatian yang telah banyak diberikan dan diluangkan untuk membincangkan serta menjayakan kajian ini. Bimbingan yang diberikan bukan sekadar mendidik untuk menjadi pengkaji yang professional bahkan mendidik menjadi manusia yang cemerlang di dunia dan akhirat. Terima kasih juga buat semua pensyarah Fakulti Pendidikan UTM yang sangat bermurah hati sentiasa berkongsi ilmu dan pengalaman dalam menjayakan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Tuan Hj Sulaiman Bin Karim,Guru Besar SK Sg Petai, barisan pentadbir dan guru-guru yang amat memahami dan memberi galakkan dalam menyiapkan kajian ini. Semoga segala ilmu, pengalaman, kemahiran dan sokongan yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat dalam kajian ini mendapat balasan keberkatan dan rahmat dari Allah S.W.T. Semoga kajian ini juga dapat memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat, negara dan agama yang dicintai.

## **ABSTRAK**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji perbandingan faktor risiko demografi, internal dan eksternal dalam kalangan belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar di Negeri Johor. Kajian ini amat penting untuk dilakukan kerana akan memberi manfaat yang besar terhadap pihak-pihak yang berkepentingan seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan, masyarakat setempat dan negara. Kajian ini telah menggunakan software Winstep dan Rasch Model dalam membuat perbandingan faktor-faktor risiko penyalahgunaan bahan. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan SPSS. Dari segi reka bentuk kajian, penyelidikan ini menggunakan kaedah tinjauan yang dilakukan melalui soal selidik yang diedarkan kepada 295 orang pelatih di Rumah Komuniti Penyayang di negeri Johor. Lokasi kajian pula hanya melibatkan di Daerah Pontian, Batu Pahat, Kota Tinggi, Mersing, Johor Bahru, Segamat dan Kluang dan keatas respondan yang berasal dari bandar di Rumah Komuniti Penyayang. Kesahan dan keboleh percayaan instrument telah diuji dan dianalisi melalui kajian rintis yang telah dilakukan di Rumah Komuniti Penyayang Daerah Muar, Johor. Hasil kajian telah menunjukkan faktor jantina lelaki berumur diantara 19-39 tahun yang bekerja sebagai buruh am, berpendidikan sehingga SPM dan bujang adalah faktor risiko demografi yang paling mempengaruhi belia dikawasan bandar diseluruh negeri Johor terhadap penyalahgunaan bahan. Manakala faktor risiko internal dan eksternal menunjukkan faktor rakan sebaya merupakan faktor risiko yang utama terhadap penyalahgunaan bahan dikawasan bandar. Data yang diperolehi dari jawapan soal selidik akan dianalisis dan dibuat laporan untuk menghasilkan dapatan yang berguna untuk semua pihak. Pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan diperluaskan kepada responden bukan sahaja di Rumah Komuniti Penyayang, bahkan kepada pelatih-pelatih di Pusat Serenti, penjara dan sebagainya. Kajian lanjutan juga boleh diperluaskan bukan sahaja di negeri Johor, bahkan di seluruh Malaysia.

## **KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN</b>	i
	<b>JUDUL</b>	ii
	<b>PENGAKUAN</b>	iii
	<b>DEDIKASI</b>	iv
	<b>PENGHARGAAN</b>	v
	<b>ABSTRAK</b>	vi
	<b>ABSTRACT</b>	vii
	<b>KANDUNGAN</b>	viii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xvi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xvii
	<b>SENARAI SIMBOL</b>	xviii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xix

## **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1.	Pengenalan	1
1.2.	Latar belakang kajian	3
1.3.	Pernyataan masalah	12
1.4.	Objektif kajian	14
1.5.	Persoalan kajian	15
1.6.	Kepentingan kajian	15
1.7.	Batasan kajian	16
1.8.	Kerangka konsep	17

1.9.	Definisi Konsep	18
1.9.1	Faktor risiko	
1.9.2	Belia	
1.9.3	Penyalahgunaan bahan dadah	
1.9.4	Kawasan bandar	
1.9.5	Faktor internal (dalaman)	
1.9.6	Faktor external (luaran)	
1.9.7	Rohani	
1.9.8	Emosi	
1.9.9	Tingkahlaku	
1.9.10	Personaliti	
1.9.11	Keluarga	
1.9.12	Rakan sebaya	
1.9.13	Komuniti	
1.9.14	Persekutuan tempat tinggal	
1.10.	Rumusan	25

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1.	Pengenalan	27
2.2.	Kerangka teori kajian	28
2.2.1	Teori Penyalahgunaan Dadah	30
2.3.	Kajian luar negara	31
2.4.	Kajian dalam negara	34
2.5.	Rumusan	41

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1.	Pengenalan	42
3.2.	Reka bentuk kajian	42
3.3.	Lokasi kajian	43
3.4.	Populasi dan persampelan kajian	45
3.5.	Instrumen kajian	45
3.6.	Kesahan dan kebolehpercayaan AlatKajian	49
3.6.1	Analisis Rasch Model	50
3.7.	Prosedur kajian	53
3.7.1	Tatacara pengumpulan data	53
3.8.	Proses pengumpulan data	53
3.9.	Analisis data	54
3.10.	Rumusan	55

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1.	Pengenalan	57
4.2.	Analisis data	57
4.3.	Analisis Bahagian A: Faktor risiko demografi belia terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar di Negeri Johor	58
4.3.1.	Jantina	
4.3.2.	Umur	
4.3.3.	Jenispekerjaan	
4.3.4.	Pendidikan	
4.3.5.	Status perkahwinan	
4.4.	Analisis Bahagian B dan C: Faktor risiko internal dan eksternal belia terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar di Negeri Johor	62

4.4.1.	Rohani	
4.4.2.	Emosi	
4.4.3.	Tingkah laku	
4.4.4.	Personaliti	
4.4.5.	Pengetahuan	
4.4.6.	Keluarga	
4.4.7.	Rakan sebaya	
4.4.8.	Persekutaran tempat tinggal	
4.4.9.	Komuniti	
4.5.	Rumusan	66

## **BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1.	Pengenalan	67
5.2	Perbincangan hasil kajian dan rumusan	67
5.2.1	Perbincangan analisa dapatan kajian berdasarkan Demografi faktor risiko belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar di negeri Johor	
5.2.2	Mengkaji faktor risiko internal bagi belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar dinegeri Johor .	
5.2.3	Mengkaji faktor risiko eksternal bagi belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar dinegeri Johor.	
5.3	Batasan kajian	73
5.4	Implikasi kajian	74
5.6.	Cadangan dan saranan	78
5.7.	Penutup	79

**SENARAI RUJUKAN** **80**

**LAMPIRAN** **84**

## **SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.3.1.	Taburan demografi respondan berdasarkan jantina.	37
4.3.2.	Taburan demografi respondan berdasarkan umur.	37
4.3.3.	Taburan demografi respondan berdasarkan jenis pekerjaan.	38
4.3.4.	Taburan demografi respondan berdasarkan pendidikan.	39
4.3.5.	Taburan demografi respondan berdasarkan status perkahwinan.	40
4.4	Koefisien Regresi Faktor Risiko Internel dan Eksternal Belia Terlibat Dengan Penyalahgunaan Bahan di Kawasan Bandar di Negeri Johor.	41

## **SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka konsep kajian	17
1.2	Plot kesukaran item faktor risiko	
	Penyalahgunaan bahan oleh responden	50

## **SENARAI SINGKATAN / SIMBOL / ISTILAH**

%	-	Peratusan
SPSS	-	Statistical Package for Social Science
Min	-	Mean / Purata
Signifikan	-	Keertiaan
>	-	Lebih besar daripada
<	-	Lebih kecil daripada
N	-	Jumlah
f	-	Kekerapan
AADK	-	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
CCH	-	Caring Community House
NGO	-	Non Government Organisation
PDRM	-	Polis Di Raja Malaysia

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1	Borang Soal-Selidik Bahagian A	86
2	Borang Soal-Selidik Bahagian B	87
4	Borang Soal-Selidik Bahagian C	88

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Penyalahgunaan bahan bukanlah perkara baru dalam kehidupan sehari-hari manusia kerana penggunaannya telah dikesan sejak berabad-abad yang lalu meskipun tarikh sebenar tidak dapat diketahui. Mengikut sumber sejarah, penyalahgunaan bahan dikaitkan dengan alam fantasi oleh masyarakat zaman dahulu kala yang menganggapnya sebagai pembalut penderitaan dan sumber keseronokan.

Dadah adalah bahan atau kimia yang amat merbahaya kepada individu yang menggunakan kerana ia mengubah cara minda dan tubuh manusia berfungsi (Agenzi Anti dadah Kebangsaan, 2011, Hazman, *et al*, 2004). Banyak hal yang berkaitan dengan dadah sentiasa menjadi bahan dalam berita. Apabila mendengar saja perkataan dadah, kita akan terus memikirkan jenis-jenis dadah seperti ganja dan heroin. Tetapi, sebenarnya terdapat beribu-ribu jenis dadah di seluruh dunia ini yang digunakan oleh lebih kurang 200 juta manusia untuk pelbagai tujuan.

Sehingga hari ini, penyalahgunaan bahan telah menjadi satu ancaman besar kepada negara. Penyalahgunaan bahan semakin menular di negara kita hari demi hari yang melibatkan pelbagai lapis masyarakat. Penyalahgunaan bahan bukan saja golongan berpendapatan rendah, bahkan telah merebak kepada golongan yang lebih mewah dan merentasi umur dan jantina. Ini menunjukkan bahawa, setiap individu berpotensi terlibat dengan penyalahgunaan bahan tanpa mengira kedudukan umur atas jantina.

Mengikut Program Pengawalan Dadah Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDCP) menyenaraikan Malaysia terletak ditempat kelima dirantau Asia Tenggara mempunyai bilangan penagih dadah paling ramai. Golongan belia di negara ini merupakan kumpulan masyarakat yang paling ramai iaitu 42.54 % atau 11.12 juta penduduk adalah berumur 18-40 tahun. Mereka adalah harapan negara, khazanah dan aset penting negara. Bagi kita mendekati mereka, kita harus tahu kemahuan dan kecenderungan mereka.

Belia merupakan golongan yang paling selesa melaksanakan aktiviti bersama rakan-rakan. Kebersamaan menjadi agenda penting untuk merealisasikan keseronokan dalam kehidupan mereka. Justeru kecenderungan bersama yang ada pada mereka perlu di cernakan dengan perkara yang bermanfaat. Untuk itu kepemimpinan di pelbagai peringkat, kepemimpinan persatuan belia perlu peka dan tahu akan perkara ini. Sumbangan khidmat generasi belia menjadi lebih berkesan kerana dilaksanakan secara berkumpulan yang dinamakan sebagai pertubuhan belia. Ini dapat melahirkan pelbagai produk yang amat signifikan dan bermakna dalam pembangunan negara sama ada daripada segi kepemimpinan, kemasyarakatan, ekonomi, sosial, politik, perpaduan, keamanan dan sebagainya. Justeru itulah, kerajaan amat memandangkan tinggi peranan dan usaha yang dimainkan oleh kepemimpinan persatuan dan ahli-ahlinya. Sehubungan itu usaha-usaha yang padu dan berterusan perlu dilakukan oleh pemimpin belia, pemimpin masyarakat, dan ibu bapa bagi menggalakkan anak-anak dan orang muda menyertai pertubuhan belia dan aktiviti yang dianjurkan. Buatlah seberapa banyak aktiviti yang boleh memupuk semangat kekitaan, kecintaan kepada negara, bangsa dan agama, tolong-menolong dan lain-lain yang berfaedah.

Kajian ini perlu dilakukan untuk menganalisis faktor utama yang mempengaruhi punca penyalahgunaan bahan dan melihat hubungan antara satu sama lain. Semoga dapatan kajian yang dihasilkan akan dapat memberi kesedaran dan pengetahuan kepada belia dan masyarakat keseluruhan punca-punca utama yang menyebabkan belia terjerumus dalam masalah penyalahgunaan bahan. Dengan maklumat ini akan membantu Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk dirumuskan dan ditransformasikan ke bentuk bahan bacaan dan rujukan samada

dalam bentuk bahan nyata (buku kecil) atau bahan maya (laman web) yang amat bermanfaat kepada masyarakat dan pihak yang berkepentingan khususnya Agensi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia.

Oleh itu kajian ini memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang menyebabkan penyalahgunaan bahan dikalangan belia di kawasan bandar di seluruh negeri Johor. Faktor-faktor ini dikategorikan kepada tiga punca utama iaitu faktor demografi iaitu latar belakang respondan yang terbabit dengan penyalahgunaan bahan, faktor internal atau dalaman diri respondan dan faktor eksternal atau luaran iaitu persekitaran respondan yang akan diperincikan dalam kajian ini.

## 1.2 Latar belakang kajian

Isu dadah terus menghantui masyarakat di Malaysia. Sepanjang Januari hingga Jun tahun lalu, penagih baru yang dikesan berjumlah 8,984 orang, meningkat 507.44 peratus berbanding 1,479 orang dalam tempoh sama tahun lalu, manakala penagih berulang seramai 3,095 orang, meningkat 172.45 peratus berbanding 1,136 tahun sebelumnya. “Masyarakat Malaysia semua berisiko dan yang tidak mempunyai kekuatan diri lebih berisiko tinggi untuk mudah terjebak dalam penyalahgunaan bahan.

Penglibatan belia di dalam penyalahgunaan bahan secara global telah meningkat (Laporan Dadah Sedunia, 2011). Penciptaan dadah berbentuk ‘*recreational*’, ditambah lagi dengan gaya hidup bebas remaja dan belia telah mendedahkan mereka dengan peluang untuk penyalahgunaan bahan dan dadah.

Di Malaysia, penyalahgunaan bahan dadah bukan satu persoalan baru. Ia telah menjadi satu ancaman bukan sahaja kepada individu atau keluarga, malah turut menjadi satu masalah besar kepada negara (Syed 1995; Mahmood 1999; Abdul 1992; Ruslina 2004). Trend penyalahgunaan bahan jenis dadah di Malaysia telah berakar umbi sejak sekian lama. Bermula sejak penjajahan British yang memperkenalkan dadah Opium sebagai bahan komoditi utama dalam perdangannya di rantau ini (Kamarudin, 2002).

Dunia hari ini menghadapi cabaran penyalahgunaan bahan yang amat membimbangkan. Berdasarkan kepada kadar *prevalen* semasa, seramai 11.0 orang penagih dadah dikenal pasti bagi setiap 1000 orang di dunia. Ini bermakna, adalah dianggarkan seramai 48 juta manusia adalah penagih dadah, iaitu hampir 10% penduduk dunia. Anggaran ini tidak termasuk mereka yang ketagih lain-lain bahan terlarang seperti alkohol, nikotin dan sebagainya (Fuziah Shaffie, 2001).

Penyalahgunaan bahan menjelaskan ekonomi, politik dan sosial beberapa buah negara di dunia terutamanya negara-negara yang sedang membangun. Mantan Perdana Menteri Amerika Syarikat Ronald Reagan pernah berkata di dalam sebuah Persidangan Antarabangsa Berkaitan Penyalahgunaan bahan pada bulan Jun tahun 1987 iaitu “Masalah penyalahgunaan bahan kini tiada batas sempadan, ia menjadi barah kepada setiap negara dan bangsa di dunia. Ia menyebabkan berlakunya perbagai jenayah, memusnahkan sesebuah kerajaan dan merosakkan tenaga dan matlamat generasi muda”.

Manakala, Mufti Al-Diar Al-Masriah Al-Sabiq (bekas mufti Mesir) iaitu Al-Syeikh Hasanin Makhluf dalam kitabnya ‘Fatwa Al-Syari’iyah’ menyatakan bahawa dadah adalah haram hukumnya dari segi penggunaan, pemberian dan perniagaan. Beliau bersandarkan kepada dalil sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “tiap-tiap perkara yang memabukkan adalah haram”, hadis riwayat Imam Muslim. Selain itu, Mahaguru Gautama Buddha telah menyedari bahawa dadah adalah satu malapetaka dan bahaya yang tidak terhingga kepada manusia. Justeru itu dalam kitabnya Panca Sila yang merupakan lima peraturan yang penting dalam ajaran Buddha mengajak manusia mengelak daripada makanan dan minuman yang memabukkan dan menagihkan.

Diperingkat antarabangsa Mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamed telah dilantik menjadi Presiden Persidangan Antarabangsa Penggunaan dan Pengedaran Dadah di Vienna semasa menjadi Perdana Menteri. Beliau telah berhujah semasa persidangan dunia dengan menyatakan “Melihat betapa rumitnya masalah dadah, tindakkan membenterasnya hanya akan berkesan jika semua negara memberi komitmen berkerjasama dan mengekalkan usaha. Persidangan ini tidak akan berjaya jika kerjasama dan tindakan bersama yang dipersetujui tidak dilaksanakan. Usaha dunia

membenteras wabak ini tidak akan berjaya jika negara-negara masih menentang secara pasif selepas persidangan ini” (Abdul Ghafar Taib, 1989).

Langkah pencegahan yang serius hanya dilakukan pada pertengahan tahun 1970-an. Namun telah ramai golongan belia yang tededah kepada penyalahgunaan dadah ini yang sudah bermula sejak 1960-an lagi. Pelbagai usaha telah dilakukan seperti pengenalan kepada akta kesalahan pelbagai jenis dadah pada 1973, pengenalan pusat rawatan dan pencegahan pada tahun 1975. Media massa terkini juga ada melaporkan bahawa kes penyalahgunaan bahan di kalangan orang Melayu khususnya semakin membimbangkan. Sehingga seorang hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, baru-baru ini, melahirkan kesedihannya apabila melihat banyak kes penyalahgunaan bahan di negara ini membabitkan orang muda berketurunan Melayu dan beragama Islam. Hakim Datuk Abd Rahim Uda menegaskan orang Melayu dididik sejak kecil bahawa dadah itu haram kerana ia seperti perbuatan membunuh diri yang sememangnya tidak dibenarkan dalam agama Islam. “Masalahnya kita orang Islam, tetapi tidak menghayati apa erti Islam sebenarnya,” katanya ketika menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan 10 sebatan ke atas tukang kebun, Fazizol Mohd Razali, 25, yang mengaku bersalah terhadap tuduhan pilihan memiliki ganja seberat 216 gram di tempat letak kenderaan, Flat Seri Sementa, Kapar, Klang.

Akibat dari penyalahgunaan bahan akan mengakibatkan beberapa kesan nagatif dan juga memudharatkan kepada negara, masyarakat dan diri individu itu sendiri. Negara terpaksa menanggung kos yang tinggi akibat daripada masalah penyalahgunaan bahan yang melanda negara ini. Kos yang tinggi ditanggung oleh negara, dari segi kos nyata (tangible) dan kos tidak nyata (intangible). Kos nyata termasuklah Kehilangan/kerugian pengurangan daya pengeluaran ekonomi, Kos bagi menyediakan kemudahan-kemudahan rawatan dan pemulihan penagih dadah, Kos bagi menyelenggara program-program pencegahan, Kos kerana kerugian akibat daripada aktiviti-aktiviti jenayah yang berkaitan dan Kos bagi meneruskan kegiatan penguatkuasan seperti menambahkan bilangan anggota polis, kakitangan jabatan penjara, makamah, hospital dan sebagainya .

Kos tidak nyata yang menyebabkan kerugian lebih besar yang mana sukar ditentukan jumlahnya dengan tepat, termasuklah ketakutan dan kekecewaan yang dialami oleh masyarakat dan mangsa aktiviti-aktiviti jenayah yang dilakukan oleh penagih dan pengedar bahan. Golongan masyarakat yang terbesar terlibat dengan masalah penyalahgunaan bahan ialah kaum belia yang menjadi tulang belakang pembangunan negara dan bakal pemimpin. Perangkaan yang lalu membuktikan bahawa dari jumlah penyalahgunaan yang dikesan , kira-kira 65% adalah terdiri daripada kaum belia yang berumur diantara 20-29 tahun . Ini jelas menunjukkan bahawa golongan yang menghadapi risiko yang tinggi ialah kaum belia yang menjadi harapan nusa dan bangsa.Kesan dadah yang lebih buruk kepada negara ialah dari segi keselamatan dan ketahanan negara.Pengganas komunis dan anasir subvertif boleh menggunakan bahan sama ada, untuk menghancurkan nilai-nilai, ahklak dan maruah negara secara langsung dan untuk menjadikan dadah sebagai punca kewangan bagi membiayai perjuangan mereka dan secara tidak langsung mendatangkan kesan buruk kepada keselamatn negara.Kegiatan seperti ini telah terbukti di negara Burma, Afghanistan, dan di beberapa buah negara Latin Amerika serta semasa penyerahan HongKong kepada British selepas Perang Candu di abad ke lapan belas.Suasana hidup dalam masyarakat tidak lagi tenteram kerana terdapatnya kejadian mencuri, merompak dan lain-lain yang dilakukan oleh penagih–penagihyang memerlukan wang untuk membeli dadah.Didapati 40% daripada banduan penjara adalah penagih dadah.Keadaan seperti ini sudah tentu mengganggu keamanan ketenteraman,ketertiban peraturan dan undang-undang negara.Perpaduan ,pembangunan dan kemajuan masyarakat boleh terjejas akibat penglibatan anak muda dengan dadah.Persengketaan dan perselisihan faham antara sebuah keluarga dengan keluarga yang lain boleh terjadi akibat penglibatan anak-anak dengan dadah.

Penyalahgunaan dadah boleh membuat seseorang terjerumus ke dalam kegiatan-kegiatan anti-sosial dan perbuatan jenayah akibat terlalu ghairah untuk mendapatkan dadah yang biasanya secara haram . Mereka yang bergantung kepada bahan narkotik selalunya terpaksa melakukan kegiatan-kegiatan jenayah seperti merompak dan membunuh untuk mendapatkan wang yang cukup bagi memenuhi tabiat mereka , kecuali mereka betul-betul kaya.Kira-kira 60 hingga 70 peratus kejadian jenayah ada kaitan dengan masalah najis dadah sementara kira-kira 45 peratus bantuan yang terdapat di penjara Malaysia adalah terlibat dengan dadah . Keadaan ini tentunya

akan mengganggu keamanan , ketenteraman , ketertiban peraturan dan undang-undang negara .

Kerosakan pemimpin masa depan dan melemahkan keselamatan negara. Lebih dua pertiga daripada mereka yang terlibat adalah terdiri daripada golongan belia , tidak terkecuali juga belia di institusi pengajian tinggi. Ketagihan ini akan merosakkan bakal-bakal pemimpin negara di masa depan. Ini bukanlah satu perkembangan yang sihat bagi negara membangun seperti Malaysia . Lazimnya, sesebuah masyarakat yang ramai anak mudanya menjadi penagih dadah akan menjadi lemah dan rendah pencapaiannya, maka negara akan kekurangan sumber tenaga untuk mempertahankan negara dari serangan musuh .

Masyarakat dan negara terpaksa menanggung beban . Penagih dadah umpsama bangkai bernyawa . Meraka tidak bermaya , lemah serta tidak berkemampuan menguruskan diri mereka sendiri . Akibatnya masyarakat serta negara terpaksamenanggung beban memelihara mereka.Umpamanya menjalankan usaha-usaha memulihkan kembali mereka dengan menubuahkan pusat rawatan dan membeli keperluan untuk usaha-usaha pemulihan . Di samping itu juga , belanja penguatkuasaan turut meningkat untuk menambah anggota polis, kastam, penjara, belanja mahkamah dan lain-lain lagi untuk membendung masalah ketagihan. Selain itu, ringgit Malaysia turut mengalir keluar terutama kenegara yang dipercayai membekalkan dadah . Ini sekaligus turut menjelaskan ekonomi negara kerana penagih membelanjakan beratus juta ringgit setahun membeli dadah .

Akibat yang jelas ialah dari segi tingkahlaku diri penagih itu sendiri.Si penagih akan menjauhkan diri daripada masyarakat umum dan bergaul hanya dengankumpulan penagih-penagih dadah , penjenayah serta penipu .Ia tidak bertanggungjawab kepadakerja atau persekolahannya.Dari segi fizikal, penagih menjadi kurus , lemah tenaga ,malas dan kelihatan berada dalam khayalan, penagih boleh kehilangan tenaga seks, pitam, pengsan, berperasaan ganas, rasa ketagihan yang berlebihan,sakit perut dan berkemungkinan mati kerana mengambil dadah yang berlebihan .Daya tahan badan penagih akan menjadi lemah dan ia mudah dijangkiti pelbagai penyakit seperti kancing gigi, mandul dan sebagainya.

## **Kesan-kesan peyalahgunaan bahan :Dari segi fizikal, mental dan emosi**

Penyalahgunaan dadah akan menyebabkan beberapa kesan kepada penagih. Semasa mengambil dadah, penagih dadah akan mengalami kesan euphoria serta mengalami halusinasi (rasa khayal), dari segi fisiologi penagih akan mengalami peningkatan sel darah putih dan paras gula dalam darah,kemusnahan otot-otot dan peningkatan suhu badan. Selain itu, sistem saraf pusat (saraf dan saraf tunjang) juga akan mengalami kerosakkan. Lama-kelamaan, kadar penafasan penagih dadah akan menjadi lebih pendek dan perlahan. Tubuh penagih juga akan mengigil akibat penurunan kadar metabolisme. Disamping itu, mata penagih juga akan menjadi kemerah-merahan serta kuyu dan berat badan penagih dadah turut akan mengalami penurunan secara mendadak.

### **Kesan-kesan penagihan dadah dari segi sosial**

Penagihan dadah akan membawa kepada penagih kepada risiko dijangkiti HIV/AIDS, hepatitis dan sawan. Hal ini demikian kerana, mereka menggunakan alat suntikan yang dikongsi dengan penagih lain. Bagi ibu yang mengandung akan membawa risiko seperti keguguran, kandungan yang tidak stabil, cacat atau mati.

Selain itu, penagih dadah kebanyakkan dikaitkan dengan penyakit psikosis (tidak siuman), kerosakan otak dan ketidakstabilan emosi. Oleh yang demikian, mereka akan terdorong untuk melakukan perkara di luar jangkaan seperti merompak,meragut, merogol, membunuh dan meningkatkan kadar berlakunya masalah sosial. Keadaan ini menjatuhkan imej negara dan pelaburan asing tidak berani untuk melabur di negara kita.

Kajian ini akan menganalisis faktor-faktor risiko belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan dikawasan bandar di negeri Johor. Menurut Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dadah merupakan istilah khas yang diberi kepada sejenis bahan yang boleh memudaratkan kesihatan seseorang dari segi jasmani (fizikal) dan rohani (mental dan emosi) serta tingkah laku seseorang individu. Dadah merupakan bahan kimia psikoaktif yang mampu memberi kesan paling ketara ke atas sistem saraf pusat (otak dan saraf tunjang) yang boleh menyebabkan penggunanya bergantung secara fizikal dan psikologikal yang akan menyebabkan ketagihan yang serius.

Dadah merupakan bahan yang digunakan untuk merawat penyakit, mengurangkan simptom atau mengubahsuai proses kimia di dalam tubuh badan. Walau bagaimanapun, bukan semua bahan yang dimakan dianggap dadah/drug. Misalnya, makanan yang dimakan secara normal tidak dianggap sebagai dadah melainkan makanan tersebut diambil khas untuk tujuan tertentu (contohnya kafeina sebagai perangsang).

Majlis Raja-Raja dalam mesyuarat yang ke 126 telah mempertimbangkan pendapat Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia mengenai masalah dadah dan membuat keputusan bahawa Majlis Raja-Raja bersetuju dengan pendapat Jawatankuasa Fatwa berkenaan dengan masalah penyalahgunaan bahan dengan pendirian sebarang penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah, hukumnya disisi syarak adalah haram dan dengan itu adalah ditegah sama sekali dan dadah hanya boleh digunakan untuk tujuan perubatan yang sah mengikut hukum syarak (Abdul Ghafar Taib, 1989).

Menurut statistik Bukit Aman pula, 222 rakyat Malaysia berketurunan Melayu kini ditahan di penjara luar negara kerana kesalahan dadah sama ada dijadikan keldai dadah atau secara sedar. Dari sini, timbul persoalan mengapa orang Melayu mudah terpengaruh dan terjebak dalam kes penyalahgunaan dadah?. Dalam perbualan dengan Presiden Pengasih Malaysia, Datuk Yunus Fathi, beliau mengemukakan beberapa faktor, termasuk berkait dengan soal budaya, perilaku, latar belakang keluarga dan tempat tinggal, pendidikan serta pengaruh luar. “Taraf pendidikan orang Melayu pula secara umumnya masih rendah dan yang terbabit dalam dadah kebanyakannya daripada keluarga miskin. Selain itu, sistem kekeluargaan yang dulunya kuat, kini semakin rapuh menyebabkan anak terbiar dan tidak diberi perhatian,” katanya yang pernah menjadi penagih sebelum mengasaskan Pengasih – badan yang dianggotai bekas penagih dadah.

Persoalannya, kenapa kes penyalahgunaan bahan terus meningkat sedangkan banyak program dianjurkan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi mengekang gejala ini?. Malah, pelbagai undang-undang digubal dan hukuman lebih berat dikenakan terhadap kesalahan dadah, termasuk hukuman mati mandatori. Penguatkuasaan juga diperhebatkan dan mengikut statistik, rampasan beberapa jenis

dadah, seperti heroin, ecstasy, candu dan kokain menunjukkan peningkatan sepanjang Januari hingga Jun tahun lalu. Namun, di sebalik kejayaan ini, isu dadah terus menghantui masyarakat di Malaysia. Sepanjang Januari hingga Jun tahun lalu, penagih baru yang dikesan berjumlah 8,984 orang, meningkat 507.44 peratus berbanding 1,479 orang dalam tempoh sama tahun lalu, manakala penagih berulang seramai 3,095 orang, meningkat 172.45 peratus berbanding 1,136 tahun sebelumnya. “Masyarakat Malaysia semua berisiko dan yang tidak mempunyai kekuatan diri lebih berisiko tinggi untuk mudah terjebak dalam penyalahgunaan bahan.

Sebab itu, kempen perlu bermula dari rumah dengan menggalakkan ibu bapa bercakap dengan anak mengenai bahaya dadah. Kita juga kena banyakkan aktiviti bagi meningkatkan jati diri serta pembangunan intelektual dan rohaniah anak. Malah, mengikut satu kajian, anak yang selalu bersukan bersama ibu bapa didapati jarang terbabit dalam dadah. Peranan pertubuhan komuniti seperti PIBG, JKK kampung, jawatankuasa kariah surau atau masjid juga penting bagi membantu memerangi gejala dadah,” katanya. Mesej ini sepatutnya membuka mata seluruh masyarakat agar bersama-sama membantu pihak berkuasa membanteras kes penyalahgunaan bahan. Kita percaya rakyat sedar kes penyalahgunaan bahan ini serius, tetapi ramai yang cuma mengeluh, tetapi tidak membantu. Kita tidak boleh lagi melihat dan membiarkan saja apa yang berlaku di sekeliling kita. Mungkin ramai tidak ambil peduli kerana menganggap itu bukan masalah mereka atau tidak membabitkan anak atau ahli keluarga mereka. Barangkali ramai juga tahu anak jiran kita mengambil dadah, tetapi kita buat tak tahu kerana tidak mahu dianggap mencampuri hal orang lain. Ini bukan soal hendak jaga tepi kain orang, tetapi membabitkan masa depan generasi kita. Bersamalah membanteras dadah. Kenyataan ini dipetik dari keratin akhbar Berita Harian (<http://www.bharian.com.my/bharian/articles/>, 2012).

Penyalahgunaan bahan menjelaskan ekonomi, politik dan sosial beberapa buah Amerika Syarikat Ronald Reagan pernah berkata di dalam sebuah Persidangan Antarabangsa Berkaitan Penyalahgunaan bahan pada bulan Jun tahun 1987 iaitu “Masalah penyalahgunaan negara di dunia terutamanya negara-negara yang sedang membangun. Mantan Perdana Menteri bahan kini tiada batas sempadan, ia menjadi barah kepada setiap negara dan bangsa di dunia. Ia menyebabkan berlakunya perbagai

jenayah, memusnahkan sesebuah kerajaan dan merosakkan tenaga dan matlamat generasi muda". Jika semua negara memberi komitmen berkerjasama dan mengekalkan usaha. Persidangan ini tidak akan berjaya jika kerjasama dan tindakan bersama yang dipersetujui tidak dilaksanakan. Usaha dunia membentras wabak ini tidak akan berjaya jika negara-negara masih menentang secara pasif selepas persidangan ini" (Abdul Ghafar Taib, 1989).

### **1.3 Pernyataan masalah**

Kajian terdahulu mendapat terdapat beberapa faktor yang telah dikenal pasti sebagai punca penyalahgunaan bahan. Antaranya ialah pertama faktor latar belakang seperti agama, bangsa, umur, jantina, pendidikan, pekerjaan, pendapatan, lokasi, waktu dan sebagainya. Kedua adalah faktor dalaman seperti rohani, pemikiran, emosi, tingkah laku, personaliti, kesihatan dan sebagainya. Ketiga adalah faktor luaran seperti keluarga, rakan-rakan, masyarakat setempat dan sebagainya. Namun, jika dilihat kepada faktor-faktor tersebut, pengaruh rakan sebaya adalah pengaruh utama yang terus meningkat dari tahun ke tahun. Manalaka faktor mencari keseronokkan adalah faktor kedua utama selepas rakan sebaya. Faktor ketiga yang juga menjadi punca utama adalah faktor ingin tahu. Laporan ini diperolehi daripada Statistik Laporan Dadah 1998 dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan.

Penyalahgunaan bahan dan dadah tidak mengenal mangsa, sesiapa sahaja boleh terjebak dengan penyalahgunaan dadah sama ada individu tersebut daripada kanak-kanak, remaja, dewasa, belia, orang tua, sudah bekeluarga atau bujang, kaya atau miskin, bekerjaya baik atau tidak, berpangkat tinggi atau rendah, berstatus baik atau tidak, kuat beragama atau tidak, menjadi pemimpin atau tidak, keturunan raja atau tidak, berpendapatan tinggi atau rendah dan kategori lain (Jamaluddin, 2009).

Berdasarkan jumlah penangkapan setiap tahun yang tinggi menunjukkan bahawa masih tidak diketahui faktor risiko yang mempengaruhi belia di kawasan bandar dan luar bandar secara menyeluruh. Walaupun statistik menyenaraikan faktor penyebab penggunaan dadah, namun faktor tersebut tidak mengambil kira kawasan persekitaran mereka. Menurut kajian yang dijalankan di kawasan berisiko tinggi penyalahgunaan

dadah menunjukkan bahawa golongan belia mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap risiko dan bahaya dadah (Roslee dan Mohamed, 2005).

Namun kajian tersebut belum dikemaskinikan bagi tahun 2012. Bahkan kajian-kajian terdahulu lebih tertumpu kepada respondan di pusat-pusat serenti. Manakala, kajian yang dibuat ini adalah lebih tertumpu kepada Rumah-Rumah Komuniti Penyayang atau Caring Community House (CCH) di Negeri Johor. Kajian seumpama ini belum lagi dibuat dan seharusnya ia dijadikan kajian. Bahkan kajian-kajian terdahulu tidak berfokuskan kawasan bandar sepertimana kajian yang dilakukan ini.

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak terutamanya pihak kerajaan dalam menangani masalah penyalahgunaan bahan. Walaubagaimanapun, kadar penglibatan penyalahgunaan bahan tidak berkurang malah makin meningkat dari semasa ke semasa. Golongan belia turut tidak terkecuali menjadi salah satu golongan penyumbang terhadap kadar peningkatan penyalahgunaan bahan. Keadaan ini terjadi kerana terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi penyalahgunaan bahan. Berdasarkan kepada latar belakang masalah yang telah dinyatakan dengan jelas, kajian ini bertujuan mengkaji faktor sikap individu, pengaruh rakan sebaya, permasalahan keluarga dan pengetahuan tentang penyalahgunaan bahan yang bertentangan dengan kepentingan rawatannya. Hari ini istilah yang lebih sesuai digunakan untuk penyalahgunaan bahan, yang merangkumi alkohol, tembakau, kokain, marijuana (ganja), dadah perangsang, LSD dan inhalan (bahan yang disedut). Perkataan bahan ini lebih sesuai berbanding dengan penggunaan perkataan dadah kerana dadah merupakan bahan kimia pembuatan. Manakala kebanyakan bahan yang disalahgunakan itu dihasilkan secara semulajadi (seperti candu) yang tidak boleh digunakan oleh manusia (seperti menghidu gam).

Boleh dikatakan bahawa punca penyalahgunaan bahan dalam kalangan belia pada era ini bukanlah disebabkan kekurangan maklumat mengenai bahaya penggunaan dadah kepada mereka, ianya lebih mendalam dan tersirat daripada itu. Kajian oleh Mahmood (2010) mengenai penyalahgunaan bahan dan dadah mengikut kawasan menunjukkan perbezaan budaya antara bandar dan luar bandar. Maka tidak mustahil

dikatakan bahawa terdapatnya faktor tarikan dan risiko yang berbeza belia di bandar dan luar bandar.

Justeru itu, apakah sebenarnya yang menyebabkan penglibatan belia dalam aktiviti ini? Mengapakah belia tidak kira di bandar ataupun di luar bandar masih lagi terlibat walaupun pelbagai kempen dan program kesedaran telah di jalankan kepada mereka? Adakah terdapat faktor risiko sehingga mereka begitu tertarik dengan dadah? Apakah kekurangan dan kelemahan program kesedaran sedia ada yang tidak memberikan impak yang kuat ke atas belia diseluruh negeri Johor.

Lantaran ini, kajian ini perlu dilakukan secara mendalam dan secara khusus tentang penyalahgunaan bahan, terutamanya dari segi kawasan dan profil demografi yang menyumbang kepada permasalahan ini. Pengkaji percaya dengan mengenalpasti secara jelas faktor risiko bagi golongan yang berisiko dalam setiap kawasan mampu memberikan gambaran yang lebih spesifik dalam mencari faktor-faktor yang boleh menolong belia yang berisiko di bandar negeri Johor. Dengan pengenalpastian ini juga, program-program yang bakal dijalankan di masa hadapan akan melalui hala tuju yang lebih efektif dan berkesan dalam mencegah penyalahgunaan bahan dadah terutamanya dikalangan belia.

#### **1.4 Objektif kajian**

- 1.4.1 Mengkaji faktor risiko demografi dalam kalangan belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar di negeri Johor.
- 1.4.2 Mengkaji faktor-faktor risiko internal penyalahgunaan bahan dalam kalangan belia di kawasan bandar di negeri Johor.
- 1.4.3 Mengkaji faktor-faktor risiko eksternal penyalahgunaan bahan dalam kalangan belia di kawasan bandar di negeri Johor.

## **1.5 Persoalan kajian**

- 1.5.1 Apakah taburan demografi faktor risiko belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar di negeri Johor?
- 1.5.2 Apakah faktor risiko internal bagi belia yang terlibat dengan Penyalahgunaan bahan di kawasan bandar di negeri Johor?
- 1.5.3 Apakah faktor risiko eksternal belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar di negeri Johor?

## **1.6 Kepentingan kajian**

Pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dapat mengenalpasti faktor-faktor risiko bagi belia di bandar secara luas dan menyeluruh. Seterusnya akan memudahkan lagi bahagian pencegahan untuk merancang program pencegahan yang lebih efektif dan lestari. Faktor risiko di bandar akan membantu memastikan program yang dijalankan mengikut kawasan adalah memenuhi kehendak dan matlamat AADK antaranya ialah melahirkan masyarakat bebas dadah. Melalui mengenalpasti faktor risiko akan membantu program pencegahan yang lebih efektif, berkesan kepada belia serta masyarakat umumnya mengenai bahaya penyalahgunaan bahan.

Dalam mengenalpasti faktor risiko, kajian ini dapat memberikan gambaran terhadap faktor-faktor pelindung bagi belia terhadap penyalahgunaan bahan di bandar diseluruh Negeri Johor. Ini adalah penting bagi pihak AADK sendiri untuk menilai program pencegahanyang dijalankan samada ianya mengambilkira faktor-faktor pelindung yang berkemungkinan berbeza mengikut kawasan.

Kajian ini merupakan suatu kajian baru yang mampu memberikan gambaran secara menyeluruh mengenai faktor risiko belia terlibat dengan penyalahgunaan bahan. Hanya dengan kesedaran terhadap kelemahan yang timbul dalam struktur organisasi dan ditambah dengan faktor-faktor yang lain membolehkan pihak yang terlibat memperbaiki kelemahan dalam usaha untuk mencegah penyalahgunaan bahan. Melalui dapatan kajian yang diambil di kawasan ‘hotspot’ memudahkan pihak AADK untuk melakukan generalisasi terhadap program pencegahan terutamanya di

daerah-daerah yang berisiko. Hasil dapatan dari kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak seperti pelajar, guru, ibubapa dan masyarakat.

### **1.7 Batasan kajian**

Kajian ini terbatas kepada golongan belia berumur antara 19-40 tahun dan kajian ini hanya terbatas kepada lokasi bandar di Negeri Johor . kajian ini sangat penting untuk membantu ibu bapa, guru-guru, penggubal undang-undang, penguatkuasa, badan NGO dan kerajaan khususnya Agensi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia untuk memahami maklumat asas mengenai faktor risiko belia terhadap penyalahgunaan bahan di kawasan bandar di Negeri Johor. Maklumat asas ini boleh digunakan untuk diperluaskan ke seluruh pelusuk negara.

Kajian ini hanya tertumpu kepada aspek faktor risiko belia yang terlibat dalam penyalahgunaan bahan di kawasan bandar sahaja. Responden kajian adalah terdiri daripada kalangan belia yang telah terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Responen terdiri daripada ahli *Caring Community House* (CCH) Negeri Johor . Responden akan dipilih secara *random sampling* berdasarkan jumlah sampel yang telah diagihkan secara berserata bagi setiap *Caring Community House*. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini ialah kaedah soal selidik. Data yang telah dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Sciences Software* (SPSS) keluaran versi 14.0.Kajian ini dijalankan di lapan buah daerah di negeri Johor iaitu Johor Bahru, Mersing, Pontian, Kluang, Batu Pahat, Segamat, Muar dan Kota Tinggi.


Kajian ini dijalankan kepada respondan di Rumah Komuniti Penyayang di setiap daerah (CCH).Bilangan sampel adalah terhad mengikut daerah-daerah yang terlibat dan terdapat ketidaksamarataan bilangan diantara daerah serta tidak menyeluruh.Terdapat klien yang buta huruf yang perlu dibimbing semasa menjawab soal selidik.Didapati klien memberikan kerjasama yang baik semasa soal selidik dijalankan.Kajian ini perlu dibuat dalam tempoh empat bulan.Purata umur klien yang dikaji tidak melebihi empat puluh tahun.Sampel adalah terdiri daripada belia-belia di kawasan bandar yang yang

pernah terlibat dengan penyalahgunaan bahan dan mereka perlul melaporkan diri di Rumah Komuniti Penyayang pada setiap bulan.

## **1.8 KERANGKA KONSEP KAJIAN**

### **Kerangka Konsep Kajian**

#### **Faktor Risiko Belia Yang Terlibat Dengan Penyalahgunaan Bahan di Kawasan Bandar di Negeri Johor**



Konsep kajian ini adalah untuk mengetahui faktor belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan Bandar diseluruh negeri Johor. Secara khusus kajian ini akan menganalisis kepada faktor risiko demografi iaitu jantina, umur, jenis pekerjaan, bangsa, kawasan tempat tinggal, pendidikan, pendapatan keluarga, latar belakang diri, dan jenis penyalahgunaan bahan. Faktor risiko internal ialah rohani, emosi, tingkahlaku, personaliti dan pengetahuan. Manakala faktor risiko eksternal pula ialah keluarga, rakan sebaya, persekitaran tempat tinggal dan komuniti.

## **1.9 Definisi konsep dan operasi kajian**

Beberapa istilah diperjelaskan dibawah ini bagi menerangkan dengan lebih tepat kehendak dan kaitannya dengan perkara-perkara yang dibincangkan oleh penyelidik dalam kajian ini.

### **1.9.1 Faktor risiko**

Faktor risiko boleh ditakrifkan sebagai sesuatu ciri, tanda dan gejala pada seseorang individu yang secara statistik berhubungan dengan peningkatan insiden penyakit. Menurut Bustan (2000), faktor risiko merupakan faktor yang sedia ada sebelum terjadinya gejala.

Dalam konteks kajian ini, faktor risiko bermaksud faktor-faktor internal dan eksternal yang menyumbang kepada seseorang remaja atau belia itu terjebak dengan penyalahgunaan bahan. Berdasarkan Problem Behavior Theory (Jessor dan Donovan, 1996), faktor internal (dalaman) termasuk sistem tingkah laku dan sistem personaliti iaitu dari segi rohani, emosi, tingkah laku, personaliti dan pengetahuan manakala berdasarkan kepada Structural Family Therapy (Minuchin, 1979), faktor external (luaran) termasuk sistem persekitaran iaitu dari segi keluarga, rakan sebaya, komuniti dan persekitaran tempat tinggal.

### **1.9.2 Belia**

Menurut Kamus Dewan Edisi Empat, belia bermaksud individu yang masih muda belia. Secara keseluruhannya, golongan belia adalah individu yang terdiri daripada pemuda dan pemudi. Tambahan lagi, golongan belia merupakan teras penting yang menggambarkan kewujudan negara pada masa akan datang.

Dalam konteks kajian ini, berdasarkan kepada maklumat dari Laporan Dadah Jun AADK (2012), belia merupakan individu yang berumur dalam lingkungan 19 hingga 39 tahun iaitu individu yang berada dalam peringkat yang bertenaga, aktif dan

sihat. Golongan belia ini juga berada di peringkat yang amat mementingkan hubungan persahabatan, percintaan, rumahtangga serta urusan kerjaya masing-masing.

### **1.9.3 Penyalahgunaan bahan / dadah**

Menurut Abdul (1998), penyalahgunaan bahan merupakan seseorang yang menggunakan mana-mana bahan dadah yang bertujuan untuk mengalami psikik fizikal yang dicirikan oleh tingkahlaku atau respon lain. Selain itu, Abdul (1998) juga menyatakan bahawa seseorang yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan adalah disebabkan oleh desakan menggunakan dadah secara berterusan atau berkala untuk mengalami kesan psikik dan pada masa yang sama dapat mengelakkan gejala tarikan kerana ketiadaannya. Selain itu, Mohamed, Razak dan Mohd (2002) turut menyatakan bahawa penyalahgunaan bahan akan mengakibatkan seseorang membuat tindakan yang tidak rasional dan sentiasa bertindak di luar kawalan. Akhirnya, penyalahgunaan bahan akan mengakibatkan seseorang itu berasa sukar untuk mencetuskan idea yang bernas.

Dalam konteks kajian ini, penyalahgunaan bahan bermaksud seseorang yang mengambil mana-mana bahan dadah tanpa kebenaran untuk tujuan keseronokan atau perasaan ingin mencuba semata-mata dan pengaruh kawan.

### **1.9.4 Kawasan bandar**

Menurut Kamus Dewan Edisi Empat,kawasan bandar merupakan suatu tempat atau pusat yang diduduki oleh ramai penduduk. Bandar merupakan satu unit sempadan pentadbiran dengan kepadatan penduduk yang relative di mana penduduknya bekerja untuk menyara diri dengan pengkhususan dalam pelbagai bidang. Norma hidup kawasan bandar boleh dikatakan lebih bertaraf tinggi dan kebanyakannya mereka juga berpendudukan tinggi.

Dalam konteks kajian ini, bandar bermaksud kawasan yang diduduki oleh ramai penduduk dan kebanyakan penduduknya pula hidup dalam keadaan yang lebih maju dari segi pembangunan dan ekonomi.

#### **1.9.5 Faktor internal**

Faktor internal merupakan faktor dalaman seseorang individu semenjak individu tersebut berada dalam kandungan hingga lahir. Faktor internal merupakan pembawaan dan keturunan seseorang individu kerana faktor-faktor tersebut mampu menguasai perkembangan manusia. Selain itu, faktor internal dalam setiap individu juga adalah unik dan berbeza.

Dalam kajian ini, faktor internal termasuklah perkembangan seseorang individu dari segi rohani, emosi, kognitif, tingkahlaku dan personaliti. Pengkaji ingin mengkaji samada faktor-faktor yang disenaraikan di atas menyumbang kepada faktor risiko internal belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar.

#### **1.9.6 Faktor eksternal**

Faktor external merupakan faktor luaran seseorang individu, iaitu melalui pengalaman dan persekitaran individu tersebut. Persekitaran merujuk kepada semua pengalaman yang dihadapi oleh seseorang individu tidak kira di rumah, sesama jiran tetangga, masyarakat atau di mana juanya dia berada. Contohnya, amalan di keluarga boleh dipelajari di rumah dan dibawa ke luar rumah. Seterusnya, rakan sebaya juga mampu mempengaruhi gaya hidup dan cara pergaulan seseorang individu.

Dalam konteks kajian ini, faktor external termasuklah faktor keluarga, rakan sebaya, komuniti dan persekitaran tempat tinggal. Semua faktor tersebut amat mempengaruhi hidup seseorang individu kerana faktor-faktor tersebut berkemungkinan menyumbang kepada faktor risiko eksternal bagi belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar.

### **1.9.7 Rohani**

Rohani merujuk kepada perkara-perkara yang berkait rapat dengan roh. Kebiasaannya, rohani dalam setiap individu menjadi penentuan moral sosial masyarakat dan undang-undang. Individu yang mempunyai rohani yang baik sentiasa diklasifikasikan oleh penentuan dan kepercayaan umum mengenai hal kelakuan individu itu secara keseluruhan. Selain itu, kesucian rohani sangat ditekankan dari segi keagamaan. Sekiranya tahap kesucian rohani seseorang individu itu sangat tinggi, maka individu tersebut berada dalam keadaan mental yang logik dan mementingkan kebaikan manusia sejagat serta kebaikan individu itu sendiri.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin mengkaji samada faktor rohani responden menyumbang kepada faktor risiko internal belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar.

### **1.9.8 Emosi**

Menurut Kamus Dewan Edisi Tiga, emosi bermaksud perasaan jiwa yang kuat. Emosi adalah adaptasi evolusi kerana emosi meningkatkan kemampuan organism untuk mengalami dan mengevaluasi lingkungannya. Selaras itu, emosi yang dialami itu akan menambah kemungkinan hidup dan berproduksi dengan mempersiapkan rencana sederhana untuk berbagai tingkah yang diperlukan. Bruno (1990) juga mendefinisikan emosi sebagai suatu keadaan bangkitan yang mengganggu garis dasar humeostasis. Selain itu, Damasio (1999) turut menyatakan bahawa emosi adalah dikaitkan dengan corak perubahan tindak balas badan dan struktur badan yang berdasarkan emosi.

Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji ingin mengkaji samada faktor emosi responden menyumbang kepada faktor risiko internal bagi belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar, mengikut item-item dalam sub-skala bahagian B.

### **1.9.9 Tingkah laku**

Menurut Martin dan Pear (2003), tingkah laku bermaksud aktiviti, aksi, perbuatan, gerak balas dan reaksi seseorang individu. Menurut Miltenberger (2001) pula, tingkah laku merupakan apa saja yang dikatakan atau dibuat oleh seseorang individu. Tingkah laku boleh diukur dari satu atau lebih dimensi. Di samping itu, tingkah laku juga boleh diperhatikan dan diterangkan. Secara umumnya, tingkah laku seseorang individu mudah dipengaruhi oleh faktor internal dan eksternal. Justeru itu, tingkah laku seseorang boleh dikatakan memberi kesan atau impak kepada masyarakat serta persekitarannya.

Dalam konteks kajian tersebut, pengkaji ingin mengkaji samada faktor tingkah laku responden menyumbang kepada faktor risiko internal bagi belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar.

### **1.9.10 Personaliti**

Personaliti merupakan salah satu cabang psikologi yang mengkaji keperibadian dan proses individu lain yang menjadikan kita manusia. Personaliti juga boleh ditakrifkan sebagai satu set ciri-ciri dinamik dan teratur yang dimiliki oleh seseorang. Personaliti yang unik akan mempengaruhi kognitif, motivasi dan tingkah laku seseorang dalam pelbagai situasi (Ryckman, 2004).

Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji samada faktor personaliti responden menyumbang kepada faktor risiko internal belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar.

### **1.9.11 Keluarga**

Keluarga boleh dikatakan sebagai institusi di mana seseorang individu itu mendapat pendidikan yang terawal (Hairunnaja, 2003). Ali (2006) turut mengatakan

bahawa keluarga adalah dua atau lebih individu yang berganung kerana hubungan darah, perkahwinan, dan adopsi dalam satu rumah tangga yang berinteraksi satu dengan lainnya dalam peranan dan menciptakan serta mempertahankan suatu budaya.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin mengkaji samada faktor keluarga responden menyumbang kepada faktor risiko external bagi belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar.

#### **1.9.12 Rakan sebaya**

Mengikut Kamus Dewan Edisi Empat, rakan sebaya bererti anak-anak muda yang sama umurnya dalam satu kelompok atau kumpulan. Kebiasaannya, golongan remaja lebih suka meniru, terikut dan terpengaruh dengan rakan sebaya. Pada peringkat umur yang muda ini, remaja masih mentah, nalurinya kurang tabah dan sifat ingin mencuba itu mudah berkobar-kobar. Jadi, apabila dipujuk atau dipengaruhi oleh rakan-rakan sebaya, mereka sudah tentu tidak dapat mengawal perasaannya untuk turut terlibat dalam gejala negatif. Remaja yang tidak dapat kasih sayang, kawalan dan bimbingan yang sempurna daripada keluarga adalah lebih mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya.

Sharifah (1984) menyatakan bahawa rakan sebaya ialah sahabat dalam lingkungan usia, latar belakang dan minat yang lebih kurang sama. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin mengkaji samada faktor rakan sebaya responden menyumbang kepada faktor risiko external bagi belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar.

#### **1.9.13 Komuniti**

Komuniti biasanya merujuk kepada satu unit sosial yang lebih besar daripada sebuah kampung kecil yang berkongsi nilai-nilai atau norma-norma kehidupan bersama. Komuniti juga boleh merujuk kepada masyarakat kebangsaan atau masyarakat antarabangsa. Dalam masyarakat manusia, niat, kepercayaan, sumber, keutamaan,

keperluan, risiko, dan beberapa syarat-syarat lain boleh hadir dan akan menjelaskan identiti belia.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin mengkaji samada faktor komuniti responden menyumbang kepada faktor risiko external bagi belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar di Johor Bahru, Mersing, Kota Tinggi , Muar, Segamat, Pontian, Batu Pahat, dan Kluang.

#### **1.9.14 Persekutaran tempat tinggal**

Rumah dan persekitarannya adalah salah satu keperluan asas kepada seseorang manusia. Tambahan pula, persekitaran tempat tinggal amatlah mempengaruhi kualiti hidup seseorang. Kualiti perumahan adalah suatu keadaan perumahan yang menjadi kebiasaan dalam masyarakat dan budayanya. Sekiranya persekitaran adalah bebas daripada gejala negatif, maka komuniti atau masyarakat adalah bebas daripada ancaman gejala negatif dan sebaliknya.

Dalam kajian tersebut, pengkaji ingin mengkaji samada faktor persekitaran responden menyumbang kepada faktor risiko external bagi belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan bandar.

### **1.10 RUMUSAN**

Isu penyalahgunaan bahan di kalangan belia merupakan suatu topik yang selalu dikaji. Hal ini menunjukkan terdapat kesedaran di kalangan masyarakat untuk berusaha mengenalpasti faktor-faktor risiko dan kelemahan yang berlaku dalam masyarakat hari ini sehingga timbulnya masalah ini dalam negara. Justeru itu, usaha-usaha dan langkah-langkah penyelesaian cuba diutarakan bagi menyelesaikan isu tersebut.

Lantaran ini, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui secara mendalam dan secara khusus tentang faktor risiko belia dalam penyalahgunaan bahan, terutamanya dari segi kawasan dan profil demografi yang menyumbang kepada permasalahan ini. Pengkaji percaya dengan mengenalpasti secara jelas faktor risiko bagi golongan yang berisiko dalam setiap kawasan mampu memberikan gambaran yang lebih spesifik dalam mencari faktor-faktor yang boleh menolong belia yang berisiko di kawasan bandar di Negeri Johor. Dengan pengenalpastian ini juga, program-program yang bakal dijalankan di masa hadapan akan melalui hala tuju yang lebih efektif dan berkesan dalam mencegah penyalahgunaan bahan dadah terutamanya dalam kalangan belia.

Kita percaya rakyat sedar kes penyalahgunaan bahan ini serius, tetapi ramai yang cuma mengeluh, tetapi tidak membantu. Kita tidak boleh lagi melihat dan membiarkan sahaja apa yang berlaku disekeliling kita. Mungkin ramai tidak ambil peduli kerana menganggap itu bukan masalah mereka atau tidak membabitkan anak atau ahli keluarga mereka. Mereka buat tak tahu kerana tidak mahu dianggap mencampuri hal orang lain. Ini bukan soal hendak menjaga tepi kain orang lain, tetapi membabitkan masa depan generasi kita, Kenyataan ini dipetik dari keratan akhbar Berita Harian ([Http://www.bharian.com.my/bharian/articles/](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/), 2012).

## Rujukan

- AADK. (2012). <http://www.adk.gov.my/html/pdf/Buletin/>.Modul Pencegahan.pdf>
- Abdul, G. T. (1998). *Dadah: Strategi dan Kawalan di Sekolah-Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amir Johari Ghazali.(1995).*Kesan latihan kemahiran sosial terhadap konsep kendiri pelajar.*
- Tidak diterbitkan:Latihan Ilmiah Sarjana Sains(Pengurusan),Universiti Utara Malaysia.
- Amanda Crowe, MA, MPH.(2012). *Develop and evolution of web based Resource enaging Parents ,teacher and others teen influence of prevent teen communication drug abuse.* USA: National Conference on health Cominication marketing and media.
- Anderson Carl M.(2009). *Cardbellar lingual size and experiential risk factor assiosiate with high level.* Journal Medicine Vol 9 Issue2.
- Abdul Ghafar Taib .(1989). *Dadah dan Pencegahannya di Malaysia.* Kuala Lumpur. Pam Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Amanda Crowe, MA, MPH.(2012).*Develop and evolutionof web based Resource enaging Parents,teacher and others teen influence of prevent teen communication drug abuse.*USA: National Conference on health Cominication marketing and media.
- Aminuddin bin Hehsan dan Siti Noor binti Muhammad. (2009). Jurnal Pendidikan. *Tahap Disiplin Pelajar Sekolah Masa Kini: Satu Kajian di Maahad Ahmadi Tanah Merah.*

Anderson Carl M.(2009).*Cardbellar lingual size and experiential risk factor assiosiate with highlevel*.Journal Medicine Vol 9 Issue2.

Ee Ah Meng.(1997). *Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (Edisi Kedua)*.ShahAlam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Fuziah Shaffie. (2001). *Pengenalan Kerja Sosial*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Hm Abdullah Al Hadi. (1993). *Faktor-faktor keluarga dan tingkah laku penyalahgunaan dadah. Satu kajian perbandingan antara penyalahgunaan dadah dengan bukan penyalahgunaan dadah*. Kuala Lumpur:Universiti Serdang Malaysia.

<http://www.bharian.com.my/bharian/articles/>.(2012). Artikel kenapa Melayu terus jadi hamba dadah. Kuala Lumpur. Berita Harian.

<http://hzurain.blogspot.com/2012/09/akar-umbi-masalah-gejala-sosial.html>. (2012). Akar Umbi Masalah Gejala Sosial.

Kate Hunt, Helen Sweeting, James Sargent, Heather Lewars, Robert Young<sup>1</sup>andPatrick. (2011). *Is there an association between seeing incidents of alcohol or drug use in films and young Scottish adults' own alcohol or drug use? A cross sectional stud*<http://www.biomedcentral.com/1471-2458/11/259>

Kementerian Pelajaran Malaysia.(2007). *Perancangan Strategik 5 Tahun Pendidikan Pencegahan Dadah 2007-2011*. Putrajaya. Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kikuchi, A. & Wada, K. (2003). Factors Associated With Volatile Solvent Use among Junior High School Students in Kanto, Japan", in Addiction, 98, pp. 771-784.

Kukapriya A/P Pallianysamy. (2010).[http://presentgroup.blogspot.com/2010/08/kesan\\_dadah\\_terhadap\\_negara.html](http://presentgroup.blogspot.com/2010/08/kesan_dadah_terhadap_negara.html)

*Laporan Dadah.*(2011). Kuala Lumpur.Agenzi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia.

Mahmood Nazar Mohamed. (2005). *Program Pemulihan Luar Institusi Untuk Penagih Dadah.* Kedah. Universiti Utara Malaysia.

Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan.* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan.* Johor. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Rohani Mat Diah. (2009). *Senario Penyalahgunaan Dadah Bagi Tahun 2009.* Malaysia. Agenzi Anti Dadah Kebangsaan.

Mohd Shah A'shaari. (2006). *Penyalahgunaan Dadah: Apa Anda Perlu Tahu.* Johor Bahru. ABS Tinta.

Nama Berita.Com. (2012). <http://www.namaberita.com/2012/03/>. Statistik PDRM tahun 2009 hingga tahun 2011.html.

Ooi Boon Keat. (2003). [http://psasir.upm.edu.my/9352/1/FPP\\_2003\\_1\\_A.pdf.](http://psasir.upm.edu.my/9352/1/FPP_2003_1_A.pdf) Penggunaan Teori Psikologi Individu Sebagai Panduan Memahami Tingkah Laku Penagih Dadah.

Papalia, D.E. & Olds, S.W. (1998).*Human Development* (7th ed.). United State of America: McGraw-Hill.

Pasukan Petugas Anti Dadah Majlis Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri. (1992). *Dadah: Apa Anda Perlu Tahu.* Kuala Lumpur. Delmu (Malaysia) Sdn. Bhd.

Rafidah Aga Mohd Jaladin. (2007). *Demographic Determinants of The Drug Abuse Problem Among Seceondary School Students In An Urban Area*. Journal of Malaysian Drug Abuse.Malaysia Anti Drug Agency.

Rosaidi Bin Tajuddin.(2008). *Penyalahgunaan dadah di kalangan remaja dari sudut psikologi*.Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Remy J Cardenat. (1986). *An adoption study of genetic and environment factor in drug abuse*.Journal General Psychiatry.Vol 73 No 12.James Bray.(2003). Family factors affectsdrugs by America Teens.Medical.Net.com

Sk Puncak Alam. (2012). <http://www.pa2ps.com/ppda/?p=51>. Laman Web Pendidikan Pencegahan Dadah.

Utusan Malaysia. (2012). <http://johor.home.net.my/news/johor-bahru/>. Peningkatan 10 peratus kes narkotik di Johor.

Woicik Patrick.Pili,Roberto.( 2009). *The substance use risk protect scale.A scale messuring Trait to reinforcement specific substance use profiles*.Journal Addiction Behavior.Vol 134.Issue 12.